

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI – BN]

TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN NO. 120

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk memperkenalkan Program Latihan Kemahiran bagi Industri Minyak dan Gas di Institut Kemahiran Belia Miri memandangkan Miri merupakan pusat industri minyak di Sarawak; dan
- (b) setakat ini, adakah modul kemahiran yang ditawarkan di IKBN mampu memenuhi keperluan pasaran kerja apabila mereka menamatkan latihan.

SULIT

JAWAPAN (a)

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sememangnya mempunyai perancangan untuk memperkenalkan Program Latihan Kemahiran bagi Industri Minyak dan Gas di Institut Kemahiran Belia Negara. (IKBN) Miri, Sarawak. Perbincangan bersama agensi yang bertanggungjawab di negeri Sarawak dan Sabah serta industri minyak dan gas sedang berjalan buat masa ini dalam memperhalusikan segala keperluan dalam mewujudkan program tersebut.
2. Program Latihan Kemahiran bagi Industri Minyak dan Gas ini dijangka akan dapat dilaksanakan di IKBN Miri pada suku ke- 4 tahun 2014. Buat permulaan, bidang-bidang yang dicadangkan adalah seperti bidang kimpalan, pengecatan, elektrik dan penyelenggaraan baik pulih.
3. Cadangan peringkat awal program ini adalah secara kursus jangka pendek yang mengambil masa antara 2 minggu hingga ke 3 bulan dengan para peserta akan menerima persijilan yang diiktiraf dan melayakkan mereka menceburi industri minyak dan gas.

SULIT

4. Diharapkan perkembangan ini akan dapat memberi peluang kepada masyarakat khususnya para belia setempat untuk mendapat latihan dan mengisi peluang pekerjaan yang bakal ditawarkan dalam industri ini.

JAWAPAN (b)

1. Mengulas mengenai kemampuan modul kemahiran yang ditawarkan di IKBN memenuhi keperluan pasaran kerja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus-kursus kemahiran yang ditawarkan di IKBN menggunakan kurikulum berpandukan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan di mana majlis ini dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Manusia dan dianggotai oleh wakil-wakil industri dan juga agensi-agensi latihan kemahiran.
2. National Occupational Skills Standards (NOSS) merupakan dokumen yang dibangunkan oleh pakar industri yang menggariskan ketrampilan minima yang perlu dipenuhi oleh pekerja mahir di Malaysia mengikut keperluan industri masakini.
3. Kementerian juga telah mengorak langkah dengan menjalinkan kerjasama bersama badan-badan persijilan kemahiran antarabangsa yang diiktiraf bagi memastikan graduan lepasan IKBN memiliki kemahiran yang terkini dan berdaya saing. Antaranya adalah :-

SULIT

- i. Persijilan Antarabangsa City & Guilds (C&G London) dalam bidang Hospitaliti.
 - ii. Persijilan Antarabangsa AWS (American Welding Society) dalam bidang Kimpalan (Welding).
4. Pengiktirafan persijilan di peringkat antarabangsa ini, memudahkan serta membolehkan graduan IKBN melebarkan kerjaya ke luar negara serta dapat bersaing secara kompetitif di dalam industri berkenaan.

Sekian, terima kasih.